

14/11/2001

Maghribi mahu jadikan Malaysia pintu masuk

PUTRAJAYA, Selasa - Kerajaan Maghribi berminat menjadikan Malaysia pintu masuk ke rantau ini, sekali gus mengeratkan hubungan dengan negara Asia Tenggara dan Asia.

Negara itu juga mahu Malaysia menjadikan Maghribi pintu masuk ke negara lain di benua Eropah.

Perkara itu disampaikan Perdana Menteri Maghribi, Abderrahman El Youssoufi kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mesyuarat delegasi Malaysia-Maghribi di Pejabat Perdana Menteri di sini, hari ini.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata pertemuan kedua-dua pemimpin itu kebanyakannya membincangkan soal perdagangan dan kerjasama dalam bidang yang khusus seperti Teknologi Maklumat (IT), pelaburan, perkhidmatan penerbangan dan pelancongan.

Beliau berkata, tiga perjanjian persefahaman (MoU) ditandatangani antara kedua-dua negara iaitu perjanjian untuk menubuhkan Suruhanjaya Bersama dalam bidang ekonomi, teknikal, saintifik dan kebudayaan, perkhidmatan udara serta IT.

Perjanjian mengenai kerjasama ekonomi, teknikal, saintifik dan kebudayaan ditandatangani oleh Syed Hamid dan Menteri Pengangkutan dan Perdagangan Laut Maghribi, Abdessalam Znined manakala perjanjian mengenai perkhidmatan udara ditandatangani Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Abdessalam.

Sementara itu, perjanjian untuk meningkatkan hubungan dan pertukaran pengalaman dalam bidang IT ditandatangani, Pengerusi Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Datuk Seri Othman Yeop Abdullah dan Pengerusi Penyeliaan, Morocco Information TechnoPark Corporation, Nasir Hajji.

"Kedua-dua negara juga bersetuju menggunakan pengalaman dan kekuatan masing-masing bagi meningkatkan perdagangan dan pelaburan," katanya.

Ketika ini, perdagangan antara kedua-dua negara adalah kecil. Sehingga Ogos lalu, jumlah perdagangan bernilai RM51 juta yang memihak kepada Malaysia dengan eksport bernilai RM43.8 juta manakala negara itu mengimport barangan berjumlah RM7.2 juta.

Malaysia mengeksport barangan elektronik, produk kegunaan rumah, getah dan bahan kimia dan mengimport barangan tekstil, bahan fabrik dan makanan dari negara itu.

Syed Hamid berkata, dalam pertemuan itu, kerajaan Maghribi meminta Petronas, sebagai syarikat petroleum yang berjaya, untuk lebih aktif dalam bidang cari gali minyak dan gas di negara mereka.

"Petronas memang berminat dengan tawaran itu dan ketika ini, Petronas sudah terbabit secara tidak langsung di negara itu dengan pelaburan dalam syarikat Energy Africa Ltd.

"Mereka mahu lihat Petronas mempunyai hubungan secara langsung dalam industri petroleum di Maghribi," katanya sambil menambah Abderrahman turut mempelawa Dr Mahathir melawat Maghribi tahun depan.

Beliau berkata, dalam pertemuan itu, Dr Mahathir turut mempelawa kerajaan Maghribi menghantar lebih ramai pelajar ke Malaysia kerana negara ini mempunyai kemudahan pendidikan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Mengenai isu antarabangsa, Syed Hamid berkata, kedua-dua negara

mempunyai pandangan sama berkenaan punca timbulnya keganasan iaitu penindasan terhadap rakyat Palestin dan kewujudan sebuah negara Palestin.

Beliau berkata, Perdana Menteri Maghribi memahami dasar Malaysia yang menyokong usaha Amerika Syarikat menghapuskan keganasan tetapi pada masa sama, bimbang dengan kesan negatif kepada orang awam yang menjadi mangsa serangan balas negara itu terhadap Afghanistan.

(END)